

Cemerlang akademik bukan gambaran keseluruhan

B/H 23/11/2017

M/S 8

→ Laporan peperiksaan sahaja tidak sesuai jadi kayu ukur murid

Oleh Mahani Ishak,
Nas Norziela Nasbah dan
Mohd Khairul Anam Md
Khairudin
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pencapaian cemerlang dalam peperiksaan awam tidak menggambarkan kebolehan menyeluruh murid kerana mereka ada potensi dalam aspek selain akademik.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Setiawangsa, Amiruddin Sahudi, berkata contoh

yang terbaik ialah siswazah cemerlang dalam akademik, tetapi masih gagal mendapat pekerjaan kerana majikan melihat seluruh watak individu.

Katanya, ini menjadikan peperiksaan semata-mata tidak lagi sesuai sebagai kayu ukur kerana murid yang cemerlang dalam akademik, biasanya tidak aktif dalam kegiatan kokurikulum.

Beliau berkata, Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang hanya memberi gambaran penguasaan akademik murid memang wajar disertakan dengan laporan yang lebih menyeluruh.

Laporan menyeluruh

“Laporan yang menyeluruh ini menjadikan guru lebih berkebolehan dan murid lebih terampil, manakala ibu bapa lebih mengambil tahu perihal pelajaran anak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman Kementerian Pendidikan semalam bahawa laporan UPSR sebe-

narnya membabitkan empat komponen yang dinamakan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR).

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin, berkata tiga komponen lain ialah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPSI).

Amiruddin berkata, pentaksiran murid secara berterusan dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang terangkum dalam PPSR lebih sesuai dan menyeluruh berbanding penilaian prestasi murid itu melalui peperiksaan sahaja.

Pada masa sama, katanya, pendidikan murid berjaya mengembelng peranan ibu bapa, guru, pentadbir sekolah dan petugas Kementerian Pendidikan supaya dapat memainkan peranan masing-masing.

Beliau berkata, pendekatan alaf baharu ini yang tidak lagi berorientasikan peperiksaan dan dapat melahirkan murid berte-

rampilan, berdaya saing dan cemerlang secara menyeluruh.

“PPSR dapat menggilap semua potensi murid dan menilai prestasi mereka secara seimbang dan menyeluruh,” katanya yang juga Jurulatih Utama Kebangsaan Sarana Ibu bapa dan Kumpulan Penggerak Sarana Kebangsaan.

Perkasa modal insan

Naib Yang Dipertua PIBG SK Bukit Sentosa, Rawang, Azhar Ahmad, berkata pembaharuan itu dapat memperkasakan pembangunan modal insan negara pada peringkat sekolah rendah lagi.

Sementara itu, di Nilai Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, berkata PPSR membabitkan empat komponen, termasuk UPSR sudah dimulakan sejak tahun lalu, tetapi banyak pihak tidak memberi perhatian serius terhadap perubahan itu.

“Ketika pengumuman keputusan, calon diberi dua kertas iaitu keputusan peperiksaan dan pentaksiran, tetapi orang hanya lihat keputusan UPSR sahaja,” katanya.



Pentaksiran murid secara berterusan dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang terangkum dalam PPSR lebih sesuai dan menyeluruh berbanding penilaian prestasi murid itu melalui peperiksaan sahaja”

Amiruddin Sahudi,
Yang Dipertua PIBG
SK Setiawangsa